

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu **A, B, C, dan D**. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

5.1 Latar Belakang Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

(Buku Teks m.s. 126 – 131)

- 1 Penentangan berterusan terhadap Malayan Union menyebabkan British menubuhkan pentadbiran yang baharu. Apakah pentadbiran tersebut?
- A Sistem Ahli
B Jawatankuasa Kerja
C Persekutuan Tanah Melayu
D Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

(Buku Teks m.s. 126)

- 2 Perkembangan berikut berlaku selepas penduduk tempatan menolak Malayan Union.

Tahun	1946
Penubuhan	Sebuah jawatankuasa untuk merangka perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah jawatankuasa tersebut?

- A Jawatankuasa Kerja
B Jawatankuasa Kaum
C Jawatankuasa Umum
D Jawatankuasa Rakyat

(Buku Teks m.s. 126)

- 3 Mengapakah British menubuhkan Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946?

- A Menggubal perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
B Mengkaji isu perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu
C Membincangkan asas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu
D Menerima memorandum Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

(Buku Teks m.s. 126)

- 4 Siapakah yang menganggotai Jawatankuasa Kerja 1946?

- I Wakil pelbagai kaum
II Pegawai kanan British

III Wakil Raja-raja Melayu

IV Pesuruhjaya Tinggi British

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 126)

- 5 Apakah kesan penubuhan Jawatankuasa Kerja terhadap negara?

- A Pembentukan persekutuan
B Pembinaan negara bangsa
C Pemufakatan antara kaum
D Penggubalan perlembagaan

(Buku Teks m.s. 126)

- 6 Apakah persamaan tugas pemimpin UMNO berikut?

- Dato' Onn Jaafar
- Haji Megat Yunus
- Dato' Abdul Rahman Mohd Yassin

- A Menubuhkan Majlis Perundangan Persekutuan
B Membentuk gabungan persatuan Melayu
C Menghalang sistem pentadbiran British
D Menjadi anggota Jawatankuasa Kerja

(Buku Teks m.s. 127)

- 7 Pilih jawapan yang **TEPAT** berkaitan dengan cadangan Jawatankuasa Kerja 1946.

- I Menjaga keistimewaan orang Melayu
II Menerima kewarganegaraan jus soli
III Menubuhkan Majlis Keselamatan Negara
IV Memulihkan kedudukan Raja-raja Melayu
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 127)

- 8 Apakah tugas pegawai berikut dalam Jawatankuasa Kerja 1946?

Ralph Home

- A Residen
B Pemerhati
C Ketua Setiausaha
D Penasihat Undang-undang

(Buku Teks m.s. 127)

- 9 Mengapakah golongan berikut menentang British menubuhkan Jawatankuasa Kerja?

Golongan nasionalis Melayu radikal

- I Bertindak mengetepikan PKMM
- II Perundingan hanya dengan UMNO
- III Penindasan terhadap orang Melayu
- IV Bergabung dengan semua kaum
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 128)

- 10 Bagaimanakah golongan nasionalis Melayu radikal menentang penubuhan Jawatankuasa Kerja?

- A Menyerang British
- B Menubuhkan kongres
- C Membentuk PUTERA
- D Melakukan demonstrasi

(Buku Teks m.s. 128)

- 11 Pilih pasangan yang **TEPAT** berkaitan gabungan Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA).

	Pertubuhan	Ketua
A	Angkatan Pemuda Insaf (API)	Musa Ahmad
B	Barisan Tani Malaya (BATAS)	Abu Bakar al-Baqir
C	Gerakan Angkatan Muda (GERAM)	Ahmad Boestamam
D	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	Dr. Burhanuddin al-Helmi

(Buku Teks m.s. 128)

- 12 Golongan bukan Melayu melalui AMCJA turut menentang penubuhan Jawatankuasa Kerja. Mengapakah golongan tersebut menentang Jawatankuasa Kerja?

- A Tidak demokratik
- B Tiada kesepakatan
- C Tiada perundingan
- D Terlalu berkuasa veto

(Buku Teks m.s. 128)

- 13 Mengapakah tokoh berikut menolak perjanjian pembentukan persekutuan?



John Thivy



Tan Cheng Lock

- A Memenuhi pembahagian kuasa
- B Menuntut konsep sebuah republik
- C Memajukan ekonomi orang Melayu
- D Mengukuhkan British dan perkauman

(Buku Teks m.s. 128)

- 14 Apakah matlamat perjuangan golongan nasionalis Melayu radikal?

- I Berkompromi dengan British
- II Penubuhan kesatuan Melayu
- III Kebebasan daripada penjajahan
- IV Penyatuan seluruh Tanah Melayu
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 129)

- 15 Bagaimanakah golongan nasionalis Melayu radikal membuka minda rakyat ke arah proses kemerdekaan?

- A Menerbitkan akhbar
- B Menawarkan hadiah
- C Mengadakan lawatan
- D Menubuhkan persatuan

(Buku Teks m.s. 129)

- 16 Mengapakah Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) berjaya menubuhkan cawangannya di seluruh negeri berikut?

- Perak
- Temerloh, Pahang
- Hulu Langat, Selangor

- A Membanteras ancaman komunis
- B Melaksanakan dasar dekolonisasi
- C Mengukuhkan institusi kesultanan
- D Memperjuangkan fahaman kebangsaan

(Buku Teks m.s. 129)

17 Apakah cadangan PUTERA-AMCJA sebagai alternatif menggantikan Perjanjian Persekutuan 1948?

- A Perlembagaan Rakyat
- B Perlembagaan Malaysia
- C Perlembagaan Bersama
- D Perlembagaan Gabungan

(Buku Teks m.s. 130)

18 Apakah persamaan perkara yang dicadangkan oleh gabungan berikut dalam Perlembagaan Rakyat?

- PUTERA
- AMCJA

- A Pilihan raya
- B Adat istiadat
- C Bahasa kebangsaan
- D Syarat kewarganegaraan

(Buku Teks m.s. 130)

19 Antara berikut, yang manakah kandungan Perlembagaan Rakyat?

- I Perhatian khas pada kaum imigran
- II Raja-raja Melayu sebagai ketua negara
- III Tanah Melayu disatukan dengan Singapura
- IV Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 130)

20 Terdapat cadangan warna latar belakang bendera kebangsaan Tanah Melayu dalam Perlembagaan Rakyat.

Apakah cadangan warna tersebut?

- A Putih dan hijau
- B Biru dan kuning
- C Merah dan putih
- D Kuning dan hijau

(Buku Teks m.s. 130)

21 Orang Melayu diberi kuasa mengetuai hal ehwal agama Islam dan adat istiadat dalam Perlembagaan Rakyat.

Bagaimanakah orang Melayu menguruskan kuasa tersebut?

- A Diselia oleh Majlis Khas
- B Dipimpin oleh Pejabat Agama
- C Dikawal oleh Raja-raja Melayu
- D Dipantau oleh pembesar Melayu

(Buku Teks m.s. 130)

22 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa rakyat.

Tarikh	20 September 1947
Peristiwa	Semua peniaga menutup kedai sebagai tanda bantahan kerana anjuran hartal.

Mengapakah berlaku peristiwa tersebut?

- A Pergolakan daripada Bintang Tiga
- B Perlantikan Gabenor Jeneral British
- C Perbalahan masyarakat pelbagai kaum
- D Penolakan terhadap Perlembagaan Rakyat

(Buku Teks m.s. 131)

5.2 Faktor Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

(Buku Teks m.s. 132 - 133)

23 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu.

British bersetuju membubarkan Malay Union dan menggantikannya dengan Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Mengapakah British bersetuju melakukan perubahan tersebut?

- A Permintaan orang dagang
- B Peperangan dengan Jepun
- C Penentangan orang Melayu
- D Pelancaran revolusi bersenjata

(Buku Teks m.s. 132)

24 Tokoh berikut telah menyaksikan bantahan orang Melayu terhadap Malayan Union.

- Rees Williams
- L. D. Gammans

Apakah laporan mereka kepada Dewan Parlimen British sekiranya Malayan Union dilaksanakan?

- A Perpaduan akan terjalin
- B Huru-hara akan berlaku
- C Gabungan semua negeri
- D Peperangan akan meletus

(Buku Teks m.s. 133)

- 25 Mengapakah pertemuan dan rundingan berikut dilaksanakan?

Tarikh	27 Mei 1946
Tempat	Kuala Kangsar
Pihak Terlibat	• Malcolm MacDonald (Gabenor Jeneral) • Sir Edward Gent (Gabenor Malayan Union) • Raja-raja Melayu

- A Membentuk sistem politik yang stabil
 B Menggubal perlembagaan Tanah Melayu
 C Melaksanakan penubuhan kerajaan pusat
 D Mengatasi konflik terhadap Malayan Union
 (Buku Teks m.s. 132)

- 26 Raja-raja Melayu telah memberi cadangan terhadap kerajaan British semasa pertemuan pada 27 Mei 1946.

Apakah cadangan Raja-raja Melayu tersebut?

- I Raja berkuasa dalam perundangan
 II Pengenalan jawatan Residen Jeneral
 III Pengenalan sistem Raja Berperlembagaan
 IV Penubuhan persekutuan bertaraf naungan
 A I dan II C II dan III
 B I dan IV D III dan IV
 (Buku Teks m.s. 132)

- 27 Mengapakah pentadbir British berikut menyokong konsep persekutuan di Tanah Melayu?

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • A.T. Newbould • Sir Ralph Hone • Roland Braddell • Sir Edward Gent |
|---|

- A Menjamin kemajuan ekonomi
 B Mengatasi ancaman komunis
 C Mengurangkan beban kewangan
 D Mengurangkan kuasa Raja-raja Melayu
 (Buku Teks m.s. 133)

- 28 Sir Edward Gent telah memberi peluang kepada pihak Tanah Melayu untuk mengemukakan cadangan balas berkaitan pembentukan persekutuan.

Siapakah yang diberi peluang bertindak demikian?

- I Parti Perikatan
 II Dato' Onn Jaafar
 III Raja-raja Melayu
 IV Penduduk peribumi

- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

(Buku Teks m.s. 133)

- 29 Apakah gesaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang terkandung dalam piagam berikut?

Piagam Atlantik 1945

- A Amalan monarki
 B Dasar liberalisasi
 C Amalan realpolitik
 D Dasar dekolonisasi

(Buku Teks m.s. 133)

- 30 British menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu kerana dasar dekolonisasi.

Apakah kebaikan dasar tersebut terhadap negara?

- A Pembentukan masyarakat berbilang kaum
 B Berpeluang menubuhkan kerajaan sendiri
 C Menyeragamkan sistem pentadbiran
 D Meningkatkan kerjasama ekonomi
 (Buku Teks m.s. 133)

- 31 Piagam Atlantik telah diisytiharkan pada bulan Ogos 1941.

Apakah negara yang merangka piagam tersebut?

- A Itali
 B Jerman
 C Perancis
 D Amerika Syarikat

(Buku Teks m.s. 133)

5.3 Ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948

(Buku Teks m.s. 134 – 135)

- 32 Apakah ciri-ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu yang dibentangkan pada 20 November 1946?

- A Ekonomi C Perundangan
 B Kebudayaan D Kuasa tempatan
 (Buku Teks m.s. 134)

- 33 Bagaimanakah kedudukan Singapura setelah Persekutuan Tanah Melayu dibentuk?

- A Tanah jajahan
 B Negara merdeka
 C Negara naungan
 D Bertaraf bebas

(Buku Teks m.s. 134)

34 Siapakah yang memegang kuasa eksekutif terhadap Persekutuan Tanah Melayu?

- A Residen
- B Gubenor Jeneral
- C Raja-raja Melayu
- D Pesuruhjaya Tinggi British

(Buku Teks m.s. 134)

35 Mengapakah British menubuhkan majlis berikut dalam Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- Majlis Mesyuarat Persekutuan
- Majlis Perundangan Persekutuan

- A Membantu Pesuruhjaya Tinggi British
- B Mentadbir pemerintahan peringkat pusat
- C Mengembalikan kuasa Raja-raja Melayu
- D Mengasaskan sistem pembahagian kuasa

(Buku Teks m.s. 134)

36 Pilih jawapan yang **tepat** berkaitan ahli Majlis Perundangan Persekutuan.

- A Wakil UMNO
- B Pelbagai kaum
- C Raja-raja Melayu
- D Pegawai kerajaan

(Buku Teks m.s. 134)

37 Apakah kuasa yang bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang di peringkat negeri?

- A Sultan
- B Peguam
- C Menteri Besar
- D Dewan Perundangan Negeri

(Buku Teks m.s. 134)

38 Senarai berikut berkaitan bidang pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu 1948.


- Percukaian
- Kehakiman
- Hal ehwal luar
- Ketenteraman awam

Apakah pihak yang berkuasa mentadbir bidang tersebut?

- A Majlis Raja-raja Melayu
- B Dewan Perundangan Negeri
- C Majlis Mesyuarat Persekutuan
- D Majlis Perundangan Persekutuan

(Buku Teks m.s. 134)

39 Rajah berikut berkaitan dengan cara memperolehi kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu 1948.




Apakah cara X?

- A Kehakiman
- B Pendaftaran
- C Perkahwinan
- D Perkenan sultan

(Buku Teks m.s. 134)

40 Rajah berikut menunjukkan kewarganegaraan yang ditetapkan dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.



Apakah ciri-ciri Rakyat Raja?

- A Golongan Raja-raja Melayu
- B Waris Kesultanan Melayu Melaka
- C Sesiapa yang mendapat perkenan raja
- D Orang Melayu yang lahir di negeri Melayu

(Buku Teks m.s. 134)

41 Rakyat Raja diperoleh secara kuat kuasa undang-undang.

Apakah syarat untuk menjadi Rakyat Raja?

- I Tingkah laku yang baik
- II Memahami adat resam
- III Bertutur bahasa setempat
- IV Keluarganya rakyat tempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 135)

42 Maklumat berikut berkaitan dengan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang, dan mana-mana tanah jajahan British yang lain.

Apakah status kerakyatan tersebut?

- A Rakyat British
- B Rakyat Raja Melayu
- C Rakyat Negeri-Negeri Selat
- D Rakyat Negeri Naungan British

(Buku Teks m.s. 135)

- 43 Pilih jawapan yang **BETUL** berkaitan syarat menjadi Rakyat British di Persekutuan Tanah Melayu 1948.

A Mempunyai pekerjaan yang tetap
B Mempunyai tingkah laku yang baik
C Bermastautin dalam tempoh 10 tahun
D Berkahwin dengan penduduk tempatan

(Buku Teks m.s. 135)

5.4 Kesan Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

(Buku Teks m.s. 136 – 137)

- 44 Apakah kebaikan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap sistem pemerintahan beraja?

A Pemansuhan sistem pewarisan takhta
B Pengukuhan kedudukan Raja-raja Melayu
C Pengenalan Sistem Raja Berperlembagaan
D Pentadbiran diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong

(Buku Teks m.s. 136)

- 45 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap orang Melayu?

A Pelbagai kumpulan etnik digabungkan
B Dilantik sebagai rakyat peribumi
C Diiktiraf sebagai penduduk asal
D Status quo mereka terancam

(Buku Teks m.s. 136)

- 46 Mengapakah orang bukan Melayu menyokong Persekutuan Tanah Melayu 1948?

A Diterima sebagai rakyat asal
B Dianggap sebagai kaum bumiputera
C Diberi peluang menjadi warganegara
D Dikecualikan membayar cukai tahunan

(Buku Teks m.s. 136)

- 47 Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah mewujudkan perpaduan antara kaum. Apakah sumbangan Persekutuan Tanah Melayu ke arah perpaduan tersebut?

A Penubuhan CLC
B Pembentukan jus soli
C Penggabungan persatuan
D Pengenalan Majlis Negeri

(Buku Teks m.s. 137)

- 48 Jawatankuasa berikut telah ditubuhkan di negara kita selepas Perang Dunia Kedua.

Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)

Apakah kesan penubuhan CLC terhadap negara?

A Menyusun semula masyarakat pelbagai kaum
B Membantu perkembangan sosioekonomi negara
C Membangunkan peluang pekerjaan di luar bandar
D Memupuk persefahaman pemimpin pelbagai kaum

(Buku Teks m.s. 137)

- 49 Gambar berikut menunjukkan Persidangan Majlis Raja-Raja pada 15 Februari 1948 setelah Malayan Union dibubarkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu.



Apakah peranan utama Raja-raja Melayu tersebut?

A Menjadi tonggak utama kerajaan
B Mendukung perjuangan maruah bangsa
C Menuntut kemerdekaan daripada British
D Memupuk perpaduan antara kaum

(Buku Teks m.s. 137)

- 50 Persekutuan Tanah Melayu telah berjaya ditubuhkan pada tahun 1948.

Apakah faktor utama Persekutuan Tanah Melayu berjaya ditubuhkan?

A Persefahaman antara orang Melayu
B Kerjasama antara pemimpin UMNO
C Tindakan agresif Raja-raja Melayu
D Berlaku tolak ansur antara kaum

(Buku Teks m.s. 137)